



18 Mac 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan PAC berhubung UiTM Holdings Sdn. Bhd. di bawah Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
2. Laporan ini dibentangkan selepas PAC mengadakan prosiding pada **6 Disember 2023**. Dalam prosiding itu, PAC memanggil saksi-saksi seperti berikut:
 - i. **Datuk Dr. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian**, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPT.
 - ii. **Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin**, Naib Canselor UiTM; dan
 - iii. **Encik Farisan bin Mokhtar**, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UiTM Holdings.
3. Mesyuarat penyediaan laporan ini dibuat pada **27 Februari 2024** dan turut hadir sama, 7 ahli Ex-Officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara yang bersetuju dengan laporan, rumusan, syor dan memuktamadkan laporan ini.
4. Dalam laporan ini, PAC membuat 5 rumusan berdasarkan prosiding yang diadakan seperti berikut:
 - i. UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya belum mencapai objektif asal dan mandat untuk mencipta kekayaan kepada UiTM, mencipta peluang pelaburan dan meningkatkan kedudukan strategik perniagaan teras syarikat.

- ii. Kegagalan UiTM mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan tidak selaras dengan peruntukan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] dan menyebabkan pengambilalihan UiTM Private Education Sdn. Bhd. (UPESB) dan UiTM Technoventure Sdn. Bhd. (UTVSB) bertentangan dengan akta.
 - iii. Suntikan modal berjumlah RM259.98 juta oleh UiTM daripada tahun 2007 hingga 2018 tanpa kelulusan Menteri Kewangan bagi tujuan pemilikan saham dalam UiTM Holdings tidak selaras dengan kehendak Akta 173.
 - iv. Projek solar oleh pihak UiTM Holdings jelas memberi manfaat kepada pengoperasian UiTM. Namun pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang masih belum diselesaikan.
 - v. Kegagalan memuktamadkan perjanjian penyewaan baharu antara UiTM dan UiTM Private Healthcare Sdn. Bhd. (UPHSB) mengakibatkan berlaku tunggakan sewaan selama 15 bulan selain menyebabkan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM tidak dapat disenggara dengan baik.
5. Sebagai langkah penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan 6 perkara kepada KPT dan UiTM untuk dilaksanakan seperti berikut:
- i. UiTM perlu lebih efektif dalam mengawal selia UiTM Holdings dan anak-anak syarikatnya supaya menjana keuntungan dan mampu membayar dividen selaras dengan matlamat penubuhan.
 - ii. UiTM perlu memastikan pematuhan kepada kuasa melulus dalam membuat pelaburan, pinjaman dan penubuhan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan Akta 173.
 - iii. KPT dan UiTM hendaklah memastikan bahawa tindakan pembetulan diambil dalam isu suntikan modal berjumlah RM259.98 juta supaya selaras dengan Akta 173.

- iv. Pihak UiTM Holdings hendaklah segera menyelesaikan isu pertukaran syarat nyata tanah di Solar Park I Gambang, Pahang.
 - v. UiTM Holdings perlu membentangkan pelan komprehensif hala tuju pelaburan dan perniagaan termasuk menangani isu tunggakan terhadap penyewaan bangunan selama 15 bulan dan masalah penyenggaraan bangunan hospital Pusat Kesihatan Pakar UiTM.
6. PAC akan memanggil semula MOF, KPT dan UiTM bagi prosiding tindakan susulan bagi isu ini dalam tempoh 2 bulan untuk mengetahui maklum balas MOF, KPT dan UiTM terhadap syor-syor yang diberikan oleh Jawatankuasa ini.
7. Orang ramai boleh membaca setiap keterangan dan penemuan laporan ini dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen**